

Patuhi undang-undang lindungi kebajikan pekerja bawah umur

Masalah kewangan dihadapi sesetengah keluarga menyebabkan ada kalangan ahli, pada usia muda keluar mencari pendapatan dengan bekerja bagi membantu serta meringankan beban ibu bapa. Pada usia muda sepatutnya mereka fokus kepada pelajaran di sekolah.

Dalam hal ini, majikan hendaklah mengetahui segala peruntukan undang-undang dan peraturan yang melindungi hak serta kebajikan golongan bawah umur yang bekerja.

Ini penting supaya tiada perkara tidak diingini berlaku terhadap golongan ini seperti insiden yang terjadi terhadap seorang pelajar Tingkatan Dua yang putus tangan kanan, serta patah tangan dan kaki kirinya selepas disedut mesin pam angin sewaktu bekerja di sebuah bangsal ternakan, ayam di Kampung Ulu Krong, Tanjung Lengkong, Perak.

Terdapat pelbagai jenis undang-undang dan peruntukan yang menjaga hak serta kebajikan golongan bawah umur yang bekerja, terutama bagi menjamin keselamatan mereka seperti Akta Kanak-Kanak 2001 serta (Pindaan) 2015, Akta Kilang dan Jentera 1967, Akta Kerja 1955 dan Akta (Penggajian) Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966.

Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 atau Akta

350 misalnya, mengawal selia hal berkaitan pekerjaan kanak-kanak dan orang muda di negara ini.

Akta 350 mengawal dan menetapkan syarat penggajian kanak-kanak di bawah umur 15 tahun dan orang muda di bawah umur 18 tahun dalam jenis pekerjaan sesuai dan perusahaan tertentu.

Jenis kerja dibenarkan

Akta 350 juga menyatakan jumlah masa dan hari yang dibenarkan untuk golongan bawah umur terabit untuk bekerja. Menurut Seksyen 2(2) Akta 350, seseorang kanak-kanak (bawah 15 tahun) cuma boleh melaksanakan kerja seperti;

→ Kerja ringan yang sesuai dengan keupayaannya bagi pekerjaan dijalankan keluarganya;

→ Pekerjaan hiburan awam yang mengikut syarat permit;

→ Pekerjaan yang perlu dilakukannya seperti dilulus atau dianjurkan oleh kerajaan dan dilaksanakan di sekolah, institusi latihan atau kapal latihan;

→ Pekerjaan sebagai aprentis dibuat suatu kontrak aprentis yang diluluskan Ketua Pengarah Buruh.

Di bawah seksyen yang sama seseorang orang muda (bawah 8 tahun) pula boleh lakukan;

→ Semua atau mana-mana jenis pekerjaan seperti yang dibenarkan untuk dibuat oleh kanak-kanak;

→ Sebagai pembantu rumah;

→ Pekerjaan di pejabat, kedai, gu-

dang, kilang, bengkel, setor, rumah tumpangan, pawagam, pementasan, kelab atau persatuan;

→ Pekerjaan dalam industri yang sesuai dengan keupayaan;

→ Pekerjaan di kapal yang di bawah kawalan keluarga.

Dengan syarat orang muda wanita hanya boleh bekerja di hotel, bar, restoran, rumah penginapan dan kelab yang di bawah penguurusan/kawalan keluarga atau pihak penjagaannya (kecuali diluluskan Ketua Pengarah Buruh).

Seksyen ini juga perlu dibaca dengan Seksyen 2 (5) akta sama yang mengatakan bahawa kanak-kanak atau orang muda tidak boleh bekerja yang berlawanan dengan Akta Kilang dan Jentera 1967 atau Akta Elektrik 1949 atau bekerja di bawah tanah.

Larangan kerja bahaya

Di bawah Seksyen 2 (1) akta yang sama juga ada dinyatakan bahawa kanak-kanak dan orang muda tidak dibenarkan membuat pekerjaan berbahaya (*hazardous work*). Kerja berbahaya bermaksud apa-apa kerja yang diklasifikasikan sebagai berbahaya berdasarkan risk assessment yang dibuat pihak berkuasa bertauliah dalam soal keselamatan dan kesihatan sebagaimana ditetapkan Menteri Sumber Manusia.

Menurut Seksyen 14 akta terabit, mana-mana orang (iaitu

ibu bapa atau penjaga atau orang lain) yang melanggar Akta 350 boleh dipenjarakan tidak lebih satu tahun atau didenda tidak lebih RM5,000 atau kedua-duanya sekali dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya, di penjara tidak lebih tiga tahun atau denda tidak lebih RM10,000.

Ibu bapa serta penjaga memainkan peranan penting supaya sentiasa mengawasi keselamatan anak mereka yang bekerja. Aspek keselamatan dan kesihatan pekerja bawah umur tidak boleh dipandang ringan.



Dr Muzaffar Syah Mallow
Universiti Sains Islam Malaysia



Di bawah Seksyen 2 (1) akta yang sama juga ada dinyatakan bahawa kanak-kanak dan orang muda tidak dibenarkan membuat pekerjaan berbahaya. Kerja berbahaya bermaksud kerja yang diklasifikasikan berbahaya berdasarkan *risk assessment*"

